

# Malam Amal Surau Al-'Izzah

## PENGENALAN

Surau Al-'Izzah yang beralamat di Jalan Samudera Selatan 10, Batu Caves, Selangor adalah sebuah surau yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor dengan nombor pendaftaran JAI.SEL.BPM/01/035/227 sejak 14 Julai 2010 / 2 Syaaban 1431H.

Sejak diluluskan pendaftaran, berkat perancangan yang baik, sambutan ahli kariah dan masyarakat sekitar terhadap aktiviti surau Al-'Izzah sungguh menggalakkan. Kehadiran ahli kariah menunaikan solat berjemaah juga semakin bertambah. Untuk keselesaan jemaah serta pelaksanaan aktiviti yang mendapat sambutan ramai, Jawatankuasa Surau memutuskan untuk menaiktaraf surau ini yang melibatkan pembesaran dan penambahan beberapa ruangan yang telah bermula sejak awal tahun 2012.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, projek menaiktaraf surau kita Fasa 1 dan 2 (lihat Plan dan Jadual di sebelah) dapat disiapkan dengan jayanya. Terimakasih di atas doa, sumbangan dan sokongan berterusan daripada semua serta para dermawan yang memberi sumbangan kepada projek ini. Seterusnya pihak Jawatankuasa Surau Al-'Izzah sedang berusaha untuk mengumpul dana bagi membiayai projek menaiktaraf Fasa 3 yang melibatkan ubahsuaai ruang solat utama dan pembesaran ruang solat lelaki. Anggaran kos ialah sebanyak **RM100,000**.

Malam Amal Surau Al-'Izzah yang akan diadakan pada 22 Jun 2013 di K-Klub Taman Melawati ini adalah salah satu usaha untuk mendapatkan dana bagi membiayai Fasa 3 ini. Semoga sumbangan tuan/puan diberkati dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT seperti dijanjikan-Nya dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 261 yang maksudnya:

*"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."*



Program Kanak-kanak




Tadarus Remaja



Bersunat beramai-ramai

## PLAN LANTAI PROJEK MENAIKTARAF



## KOS PROJEK MENAIKTARAF



Fasa 1 - Tempat Wudhuk, Bilik Air, Pejabat, Pantri dan Laluan Tengah



Fasa 2 - Ruangan Solat Wanita



Fasa 1



Pembinaan Fasa 2



Bilik Air

Bil	Perkara	Kos RM
1	<b>FASA 1 (Area 2, 3, 4 &amp; Pembentungan)</b> a. Sistem Pembentungan b. Sistem Saliran c. Tempat Wudhuk dan Bilik Air Lelaki d. Tempat Wudhuk dan Bilik Air Wanita e. Pejabat f. Pantri g. Laluan tengah <b>(Siap pada Jun 2012)</b>	Anggaran kos <b>RM120,000.00</b> Kos Sebenar <b>RM101,767.00</b>
2	<b>FASA 2 (Area 5)</b> a. Ruangan Solat Wanita b. Setor <b>(Jangkaan Siap pada Jun 2013)</b>	Anggaran kos <b>RM80,000.00</b> Kos Sebenar <b>RM57,274.00</b>
3	<b>FASA 3 (Area 1)</b> a. Dewan Solat Utama b. Ruangan Lelaki c. PA System	Anggaran kos <b>RM100,000.00</b>